



## SIARAN AKHBAR

### KENYATAAN DASAR BDCB 1/2022

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hari ini telah mengeluarkan kenyataan dasar BDCB yang pertama bagi 2022.
2. Di dalam Kenyataan Dasar tersebut, BDCB mengongsikan bahawa International Monetary Fund (IMF) telah menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2022 daripada 4.4% kepada 3.6%. Ini disebabkan oleh kesan limpahan daripada pencerobohan Rusia ke atas Ukraine, termasuk gangguan terhadap bekalan dan kadar inflasi yang lebih tinggi. Sementara itu, ekonomi domestik telah mencatat penurunan sebanyak 1.6% bagi tahun 2021. Walaupun unjuran kadar inflasi global yang semakin meningkat, digabungkan dengan gangguan terhadap bekalan global yang dijangka akan berterusan, BDCB menjangkakan impaknya terhadap kadar inflasi di Negara Brunei Darussalam adalah minima mengambil kira pengetatan dasar monetari oleh Monetary Authority of Singapore (MAS) sebanyak tiga kali dalam tempoh tujuh bulan pertama 2022. Unjuran kadar inflasi BDCB bagi tahun 2022 adalah di dalam lingkungan 2.0% hingga 3.0%.
3. BDCB juga memaklumkan bahawa sektor kewangan merekodkan pertumbuhan nilai aset keseluruhan yang mampan iaitu sebanyak 7.9% tahun-ke-tahun, dengan aset keseluruhan berjumlah BND23.9 bilion pada suku pertama tahun 2022, di mana sebanyak BND13.9 bilion (58.0%) adalah aset kewangan Islam. Sebanyak 92.0% daripada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan adalah daripada institusi-institusi penerima deposit dengan nilai aset berjumlah BND22.0 bilion.
4. Kedudukan modal industri perbankan kekal kukuh dan berdaya tahan pada suku pertama tahun 2022, dengan agregat *Capital Adequacy Ratio* sebanyak 20.9%. Walaubagaimanapun, dengan peningkatan ketidakpastian berikutan dengan penularan wabak COVID-19, dan kadar faedah/keuntungan global yang masih agak rendah, pulangan keuntungan bagi industri perbankan telah merekodkan penurunan.
5. Kelonggaran sementara kepada beberapa peraturan perbankan kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan telah ditiadakan selepas 30 Jun 2022, mengambil kira pelonggaran sekatan COVID-19 telah dilaksanakan secara beransur-ansur dengan pemulihan peniaga-peniaga dan individu-individu dari segi kewangan daripada impak pandemik. Manakala, pengecualian yuran dan caj (kecuali caj pihak ketiga) bagi sebarang pemindahan dana antara bank tempatan dalam talian melalui sistem-sistem Real-Time Gross Settlement (RTGS) dan Automated Clearing House (ACH) telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.
6. Dalam memastikan infrastruktur kritikal di sektor kewangan adalah menepati piawaian antarabangsa, BDCB telah mengeluarkan *Guidelines on Technology Risk Management* dan *Guidelines on IT Third Party Risk Management* kepada kesemua institusi-institusi kewangan selaras dengan Financial Sector Blueprint (2016-2025) dalam matlamat strategik di bawah Pillar III.

7. Selain itu, pihak BDCB juga telah mengeluarkan *Notice on Academic Qualification and Work Experience Requirement for Capital Markets Services Representative's Licence (CMSRL)* untuk mempertingkatkan lagi tahap profesionalisme di dalam sektor kewangan, dan Notis mengenai Proses Permohonan dan Keperluan Perniagaan Insurans Berkaitan Pelaburan bagi Syarikat Insurans untuk mengukuhkan lagi urus tadbir dalam sektor tersebut.
8. Kenyataan Dasar BDCB 1/2022 yang lengkap boleh didapati di laman web BDCB di [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn). Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB di talian 8318388, atau melalui emel di [info@bdcg.gov.bn](mailto:info@bdcg.gov.bn).

**Brunei Darussalam Central Bank**

Ref: BDCB/COMMS/3

Date: 22 Zulhijjah 1443H/ 22 Julai 2022